



Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
(Department of Labour Peninsular Malaysia)
Aras 3 & 5, Blok Setia Perkasa 3,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya

Telefon : 03-8886 5192/5937
Faks : 03-8889 2368
E-mel : jtksm@mohr.gov.my
Website : www.jtksm.mohr.gov.my

SIARAN MEDIA

OPERASI VENDOR PERKASA UNDANG-UNDANG PERBURUHAN NEGARA

22 Januari 2026 | Shah Alam - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor terus komited dalam memastikan pematuhan penuh terhadap undang-undang perburuhan negara menerusi pelaksanaan operasi penguatkuasaan secara turun padang di premis syarikat perkhidmatan kurier di Shah Alam, Selangor hari ini. Operasi ini diselaraskan oleh Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP), JTK Negeri Selangor dengan kekuatan keseluruhan anggota seramai 35 orang pegawai penguatkuasa. Operasi ini dilakukan ke atas majikan di dalam sektor perkhidmatan kurier.

Hasil operasi pada hari ini, sejumlah 120 orang pekerja tempatan dan 175 orang pekerja asing dengan latar belakang berbeza telah diperiksa. Kesemua pekerja asing ini terdiri dari pelbagai negara sumber seperti Indonesia, India, Pakistan dan Bangladesh.

Antara kesalahan yang dikesan dibawah akta-akta yang dikuatkuasakan oleh JTKSM adalah kegagalan majikan untuk mematuhi Perintah Gaji Minimum 2024 dan kesalahan dibawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] iaitu seksyen 25A bayaran gaji secara tunai harian dan seksyen 60A tidak membayar gaji lebih masa. Kesemua kesalahan ini akan diambil tindakan selaras dengan akta-akta berkaitan.

JTKSM akan terus mempergiatkan pelaksanaan operasi dan penguatkuasaan selaras perundangan di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan. Penguatkuasaan ini amat penting sebagai langkah proaktif jabatan dalam membanteras ketidakpatuhan terhadap mana-mana akta perburuhan. Selain itu, penguatkuasaan ini perlu dilakukan secara konsisten demi memastikan kebajikan para pekerja tempatan mahupun asing dipelihara dan keharmonian perburuhan negara terus diperkasa.

Selain itu, operasi penguatkuasaan ini juga menjadi platform untuk memberi penerangan, nasihat serta bimbingan kepada pihak majikan mengenai kepentingan pematuhan undang-undang perburuhan, selaras dengan usaha kerajaan dalam mewujudkan persekitaran pekerjaan yang adil, selamat dan sejahtera untuk semua pihak.

Sekian, terima kasih.

TAMAT

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Ketua Pengarah